



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEJABAT SATELIT MyIPO KETIGA DIRASMIKAN DI ALOR SETAR

ALOR SETAR, 9 JANUARI 2025 – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) memperluas akses perkhidmatan kepada masyarakat dan usahawan di negeri Kedah dengan pembukaan Pejabat Satelit yang terletak di Pusat Tranformasi Bandar (UTC) di Alor Setar. Langkah strategik ini bertujuan memperluas akses perkhidmatan MyIPO kepada masyarakat dan usahawan di wilayah utara, khususnya di negeri Kedah.

Majlis perasmian Pejabat Satelit telah disempurnakan oleh Pengerusi MyIPO, YBrs. Ts. Dr. Mohd Zuhan Mohd Zain. Sebelum ini, MyIPO telah membuka Pejabat Satelit di Kuala Terengganu, Terengganu pada November 2024 dan di Ipoh, Perak, pada Disember tahun lalu. Pembukaan pejabat di Alor Setar menandakan komitmen berterusan MyIPO dalam memudahkan akses perkhidmatan kepada masyarakat di seluruh negara.

Dalam tempoh lima tahun terakhir, MyIPO telah menerima sebanyak 2,975 permohonan harta intelek daripada negeri Kedah. Data ini menunjukkan peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat dan usahawan tempatan mengenai kepentingan perlindungan harta intelek. Pejabat Satelit di Alor Setar dijangka akan memudahkan lagi proses permohonan dan perkhidmatan berkaitan, serta menggalakkan lebih ramai individu dan perniagaan untuk melindungi hak harta intelek mereka.

Dengan pembukaan Pejabat Satelit MyIPO di Alor Setar, diharapkan lebih ramai usahawan, inovator, dan individu di negeri Kedah akan memanfaatkan perkhidmatan yang disediakan, serta bersama-sama memajukan industri kreatif dan inovatif negara melalui perlindungan harta intelek.

Hadir sama, Sr. Zamzama bin Mohd, Pengurus, UTC Kedah dan Sh. Arifin bin Sh. Mohd Noor, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) MyIPO.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media, sila hubungi:

ENCIK AKHTAR BIN SAHARI
Ketua Komunikasi Korporat
T: 012-6725667
E: akhtar@myipo.gov.my

CIK EMELIADIANA BINTI ALAWI
Pengawai Komunikasi Korporat
T: 011-19815143
E: emeliadiana@myipo.gov.my

Perbadanan Harta Intelekt Malaysia,
Menara MyIPO, PJ Sentral,
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 603 – 7496 8900
Emel : ipmalaysia@myipo.gov.my
Laman web : <http://www.myipo.gov.my>

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

MyIPO merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti.